

**Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)**

*International Journal of Malay Letters*

Jilid 7/Jan/2019, 50-67

ISSN:2289-5000

Persatuan Penulis Budiman Malaysia  
*Budiman Writers Association of Malaysia*

**EKSPRESI EMOSI MELALUI BAHAN BACAAN SASTERA KANAK-KANAK DARI PERSPEKTIF TEORI EMOSI**  
***EMOTIONAL EXPRESSION THROUGH CHILDREN'S READING MATERIALS IN THE THEORY OF EMOTIONAL PERSPECTIVE***

*Arb'ie Sujud\*, Nurul Azimah Abdulsedik,*

*Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi*

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Univresiti Putra Malaysia,

Serdang, Selangor, Malaysia

\*arbiesujud@fbmk.upm.edu.my

**ABSTRAK**

Hasil kesusasteraan tidak membawa sebarang pengertian tanpa kehadiran rasa dan emosi di dalamnya khususnya sastera kanak-kanak. Kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang dapat merangsang emosi dan perasaan mereka agar pertumbuhan dan perkembangan emosi mereka seiring dan seimbang dengan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosialnya. Bahan bacaan bukan sahaja perlu ada unsur pengajaran atau ilmu pengetahuan semata-mata, namun emosinya juga penting bagi membangkitkan nilai rasa dan kejiwaan dalam diri kanak-kanak itu sendiri. Dengan adanya emosi dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak yang ditampilkan, jiwa mereka lebih terangsang dan ini menjadikan perkembangan emosi mereka dapat berkembang seiring dengan tahap masing-masing. Tanpa emosi, sesuatu karya yang dihasilkan hambar dan tidak menarik perhatian khalayak khususnya kanak-kanak untuk terus membaca karya tersebut kerana karya yang dihasilkan itu kurang daya gerakan emosi dan membosankan mereka. Justeru, artikel ini akan menganalisis

ekspresi emosi kanak-kanak yang dikesan melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak dari sudut Teori Emosi.

Kata Kunci: Perkembangan Emosi, Perubahan Fisiologi, Rangsangan, Kesedaran, Afektif

## **ABSTRACT**

*Literary production is meaningless without the insertion of emotional expressions especially in children's literature. Children need reading materials that can stimulate their emotions and feelings so that their emotional development is in tandem with their physical, spiritual and social developments. The reading materials, need not only have to have educational and knowledge elements but must also include emotional elements as well in order to augment the children's sentiments and sensitivity. By including elements of emotion in the texts the children's sentiment will be stimulated in accordance with their age. Without emotions, the texts produced will be less attractive for readers, especially children. Therefore, this article utilizes Emotion Theory to analyse children's emotional expressions as detected in children's literature.*

**Keywords:** Emotional development, Physiological Changes, Stimulation, Awareness, Affective

## **PENGENALAN**

Kepentingan emosi dalam kehidupan telah mula diakui oleh ahliahli falsafah sejak zaman Greek lagi. Tokoh-tokoh seperti Plato, Aristotle, Spinoza, Descartes, Hobbes, dan Hume telah mengemukakan teori-teori berkaitan emosi yang menjadi asas kepada penyelidikan tentang emosi dan kaitannya dengan kehidupan manusia (Zailani Zakaria: 2009). Emosi lazimnya tidak dapat dipisahkan dengan reaksi fisiologi yang berlaku dalam badan. Sebagaimana menurut David Viscott dalam Mahmod Nazar Mohamed (2001) bahawa emosi adalah suatu keadaan yang dialami oleh manusia iaitu beberapa perubahan pada proses fisiologi, diri dan psikologi akan berlaku. Jika seseorang tidak sedar

akan perasaannya sendiri, maka ia tidak akan juga sedar pada kualitikualiti kehidupan manusia.

Dalam konteks ini, emosi dan perasaan inilah yang memberi makna kepada kehidupan harian dan juga antara faktor kemanusiaan yang membezakan manusia dengan entiti-entiti lain yang wujud di bumi ini. Reaksi fisiologi juga dikenali dengan nama bangkitan autonomik. Setiap emosi mencitrakan reaksi fisiologi, iaitu perubahan-perubahan dalam tubuh badan. Menurut Arnold-Ellis, manusia akan menginterpretasikan pelbagai situasi dan peristiwa yang berkaitan sebelum memaparkan sesuatu emosi dan persepsi emosi perlu ada sebelum emosi diinterpretasikan seperti mengikut Cannon-Bard, rangsangan yang diterima oleh konteks serebral akan menghasilkan persepsi serta pengalaman sedar mengenai emosi, sekaligus akan menghasilkan reaksi tubuh terhadap emosi tersebut (Mahmood Nazar Muhamed: 2001). Ekspresi emosi pula akan dapat dikesan sekaligus melalui wajah atau air muka, luahan kata-kata, mata dan juga tingkah laku individu terlibat.

## **TEORI EMOSI DAN EKSPRESI EMOSI**

Teori emosi mula diperkenalkan oleh William James dan Carl Lange pada tahun 1887, dan dikenali sebagai teori James-Lange. Teori ini mengatakan bahawa perkara luaran yang merangsangkan seseorang akan merangsangkan organ visera dalam badan dan kemudian mengakibatkan terkumpulnya pengalaman emosi atau perubahan pada perasaan. Seseorang itu berasa sedih sebab dia menangis dan mengeluarkan air mata manakala berasa takut sebab jantungnya berdebar-debar (Coon: 1983). Namun teori ini telah dicabar oleh Cannon kerana tidak melibatkan aspek kognitif. Justeru dengan mengambil kira proses dan keperluan kognitif, teori emosi kognitif oleh Schachter (1962) dan juga teori emosi kognitif Arnold-Ellis diketengahkan. Dengan kata lain, terdapat dua komponen teori mengenai emosi, iaitu teori berdasarkan fisiologi yang terdiri dari Teori Tiga Lapisan Otak, Teori James-Lange dan


Teori CannonBard. Manakala komponen kedua berasaskan kognitif seperti Teori Schachter-Singer dan Teori Arnold-Ellis.

Teori fisiologi menyatakan bahawa kebanyakan emosi yang diluahkan oleh manusia adalah di bawah kawalan satu siri neuron yang terletak di satu kawasan otak yang dinamakan sebagai sistem limbik. Teori kognitif pula melibatkan penafsiran dan proses fisiologi di mana tindak balas emosi dibentuk akibat dari tindak balas neuron. Perasaan dan emosi berlaku apabila sesuatu label diberi pada setiap rangsangan fizikal yang berlaku secara umum. Misalnya apabila seseorang itu terangsang dalam apa jua keadaan, seseorang itu akan memberi interpretasi terhadap perasaannya pada ketika itu. Sekiranya orang itu diperanjatkan dari belakang, badan orang itu akan terangsang secara spontan seperti jantung berdebar, tapak tangan berpeluh, tidak kira siapa yang memeranjatkannya.

Dalam konteks ini, sekiranya didapati orang yang memeranjatkannya tidak dikenali, orang itu akan mentafsir perasaan dan rangsangan badan sebagai perasaan takut. Manakala jika didapati orang yang memeranjatkannya adalah orang yang dikenali, rangsangan badan ditafsirkan sebagai keriangan dan perasaan suka. Label dan interpretasi (seperti marah, takut dan gembira) yang diberi kepada rangsangan badan didapati banyak dipengaruhi oleh pengalaman terdahulu, keadaan semasa dan reaksi daripada orang lain.

Teori kognitif Arnold - Ellis yang menekankan kepentingan terhadap penilaian serta interpretasi sesuatu kejadian atau peristiwa daripada rangsangan yang boleh menyebabkan terjadinya emosi. Sebagai contoh dapat dilihat apabila seseorang mendapat berita daripada seseorang yang lain, perubahan emosi akan berlaku jika berita yang diterima positif dan ia akan berasa gembira, tetapi jika negatif ia akan berasa sedih. Justeru, sesiapa yang menghadapinya akan menginterpretasikan pelbagai situasi dan peristiwa yang berkaitan sebelum memaparkan sesuatu emosi. Oleh yang demikian bahagian talamus akan menerima rangsangan dari luaran dan terus dihantar ke bahagian korteks untuk dianalisis dan diinterpretasikan (Mahmood Nazar Mohamed: 2001).

Kemudian, rangsangan yang berlaku akan dihantar ke bahagian hipotalamus yang bertanggungjawab menghasilkan reaksi emosi yang bersesuaian seperti dalam Rajah 1. Teori ini telah diguna pakai dalam bidang terapi jiwa dan tingkah laku. Gambaran mengenai teori emosi yang menjadi acuan dalam perlaksanaan kajian ini sebagaimana Rajah 1:



Rajah 1: Diubahsuai daripada Teori Emosi Model Cannon Bard dan Arnold Ellis.

## **Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak**

Bahan bacaan sastera kanak-kanak terdiri daripada pelbagai genre yang mengandungi kisah dan nilai rasanya yang tersendiri. Dengan adanya nilai rasa di dalam sesebuah bahan bacaan sastera, perubahan emosi dalam diri kanak-kanak dapat diperhatikan dan pelbagai jenis Talamus dan konteks serebral ekspresi emosi akan ditampilkan. Dalam konteks ini, emosi adalah sesuatu yang dirasai oleh seseorang individu tatkala berhadapan dengan sesuatu peristiwa atau situasi tertentu. Emosi sering kali dikaitkan sebagai suatu bentuk pengalaman manusia kerana apa yang mencetuskan perasaannya pada masa itu, datang daripada apa yang dilihat, dirasa atau ditanggapi daripada persekitarannya. Dalam hal ini emosi akan memberi isyarat kepada pemikiran untuk melakukan sesuatu tindakan sebagai respons terhadap perasaannya yang menghasilkan reaksi positif maupun negatif (Rozita Ahmad: 2005).

Perasaan dan emosi biasanya disifatkan sebagai sesuatu keadaan dari diri individu yang berlaku pada sesuatu keadaan. Dengan kata lain, perasaan disifatkan sebagai sesuatu keadaan jiwa sebagai akibat daripada adanya peristiwa-peristiwa atau rangsangan dari luar dan peristiwa-peristiwa tersebut pada umumnya menimbulkan ekspresi dan reaksi pada individu. Dengan adanya rangsangan-rangsangan dari luar ini menyebabkan timbulnya ekspresi emosi dalam kalangan individu khususnya kanak-kanak yang disebabkan oleh keadaan persekitarannya juga. Bruno (1984) mendefinisikan emosi sebagai satu keadaan bangkitan yang mengganggu garis dasar homeostasis. Beliau melihat emosi dari perspektif ini kerana apabila seseorang mengalami emosi, hampir keseluruhan keadaan homeostasisnya terganggu dengan pelbagai perubahan fisiologi yang berlaku dalam tubuhnya. Dengan yang demikian, emosi kanak-kanak dapat dikesan melalui beberapa penanda emosi. Antaranya melalui wajah atau air muka, mata, bahasa atau kata-kata dan juga tingkah laku.

Oleh yang demikian, emosi merujuk kepada perasaan atau reaksi afektif berpunca daripada empat komponen iaitu komponen fisiologi, kognitif, tingkah laku dan juga komponen pengalaman

subjektif. Keempat-empat komponen ini akan mewujudkan reaksi kepada individu. Kanak-kanak dalam lingkungan usia 7 hingga 12 tahun, perubahan emosi mereka dapat dilihat dan diteliti melalui ekspresi wajah, cara berinteraksi (luahan vokal) dan melihat bagaimana mereka melayani kehendak diri sendiri. Kanak-kanak pada usia begini sudah bergaul dengan kanak-kanak lain dan mereka akan mengendalikan emosi mereka sendiri. Gerakan emosi positif memperlihatkan emosi kanak-kanak berkembang dengan baik. Bagi kanak-kanak yang kelihatan murung dan kurang bijak bergaul memperlihatkan perkembangan emosi yang negatif. Kanak-kanak yang tidak diberi peluang untuk menghadapi dan menyelesaikan sendiri emosi yang tidak rasional akan menghadapi perkembangan yang menyukarkan pada masa akan datang.

Justeru, hubungan antara emosi kanak-kanak dengan cerita adalah rapat sebagaimana dijelaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz (1998). Menurut beliau tanpa emosi cerita itu menjadi hambar dan kering dan sudah pastinya tidak mudah diterima oleh kanak-kanak. Malahan dunia imaginasi kanak-kanak pula mudah dirangsang oleh emosi daripada cerita-cerita. Hasil penelitian terhadap buku cerita Cinderella (CDRL), menunjukkan bahawa pembentukan emosi kanak-kanak dapat menimbulkan ekspresi emosi melaluinya. Melalui ilustrasi yang ditampilkan, kanak-kanak dilihat seronok apabila tiba-tiba seorang pari-pari baik muncul dan menukar beberapa ekor tikus menjadi kuda, dan labu menjadi kereta kuda. Gambaran yang menakjubkan tersebut merangsang emosi kanak-kanak sehingga menyebabkan mereka kagum dengan peristiwa yang dianggap magic sebagaimana dilakukan oleh pari-pari tersebut. Kanak-kanak semakin teruja apabila melihat gambar Cinderella yang berubah menjadi cantik dengan memakai gaun kembang dan kasut kaca.

Selain itu, kanak-kanak begitu teruja apabila melihat ilustrasi Cinderella berpakaian cantik. Hal ini ditambah dengan ilustrasinya yang besar dan jelas selain dilukiskan dengan teliti menjadikan gambar tersebut seakan hidup sekaligus menjadikan kanak-kanak semakin berminat dan terpegun ketika menatap ilustrasi yang ditampilkan. Sebagaimana menurut Md Sidin Ahmad

Ishak (2008), bahawa ilustrasi menambahkan kegirangan dan perwatakan pada buku. Pelbagai bentuk, gaya dan teknik ilustrasi digunakan untuk menarik kanak-kanak.

Justeru, melalui ilustrasi yang ditampilkan ada di antara kanak-kanak mengeluarkan kata-kata seperti ‘wah’ dan ‘huiyo’ tanda kagum dengan ilustrasi tersebut. Oleh yang demikian, kehadiran ilustrasi dalam sesebuah bahan bacaan sastera kanak-kanak yang ditampilkan dapat menarik perhatian dan minat kanak-kanak selain menimbulkan ekspresi emosi mereka. Menerusi peristiwa kasut Cinderella yang tercicir menimbulkan tanda tanya kepada kanak-kanak tentang perkara yang akan berlaku kepada Cinderella. Keaslian dan lukisan yang kreatif dapat dilihat dengan jelas menerusi gambar tersebut yang akhirnya membuatkan emosi kanak-kanak bertambah terangsang melaluinya. Ada juga di antara kanak-kanak berinteraksi sesama sendiri apabila melihat gambar tersebut:

Kanak-kanak 1: “Wah, cantiknya Cinderella tu. Patutnya dia naik semula ambil kasut tu.”


Kanak-kanak 2: “Ni cerita kat istana. Tangga istana tinggi. Susah. Patutlah kasut dia tercabut”.

Kanak-kanak 3: “Macam mana dia nak balik, kasut dah tanggal”.

Menerusi ungkapan kata-kata di atas, kanak-kanak dilihat memaparkan emosi gembira dan menyenangkan. Kanak-kanak juga memahami isi cerita berdasarkan gambar yang dipaparkan dalam buku tersebut. Hal ini bertepatan dengan pandangan Baldinger (1986), bahawa ilustrasi adalah seni membuat gambar yang berfungsi untuk memperjelas dan menerangkan naskhah. Manakala menurut Jan D. White (1982) ilustrasi adalah sebuah tanda yang tampak di atas kertas, yang mampu mengkomunikasikan permasalahan tanpa menggunakan kata. Ia bisa menggambarkan suasana, seseorang, dan bahkan objek tertentu. Dalam konteks ini, pengarang dan penulis menggabungkan kreativiti dan imaginasi yang berasaskan ilmu pengetahuan dalam menyampaikan kisah tauladan kepada kanak-kanak menerusi watak. Sebagaimana menurut Misran Rokimin (2001) meneliti sastera kanak-kanak

sebagai agen pembangunan yang menjurus kepada pembangunan diri seseorang manusia itu, sama ada emosi, pemikiran atau kebahasaannya. Ketiga-tiga aspek ini akan terus berkembang, iaitu semakin banyak karya sastera yang dibacanya, semakin bertambah perkembangan berlaku dalam diri kanak-kanak itu.

Hal ini selaras dengan teori emosi Cannon-Bard sebagaimana yang dinyatakan oleh Walter Cannon dan Philip Bard (1934) dalam Mok Soon Sang (2010) bahawa emosi berlaku apabila thalamus (dalam otak) menghantar tanda secara masa sama kepada kortek, lantas menimbulkan pengalaman kesedaran emosi dan kepada sistem saraf automatik mencetuskan penggiatan automatik (automatic arousal). Perincian teori emosi ini dilihat menerusi Rajah 2: Menerusi paparan Rajah 2, ramai ahli teori hari ini bersetuju dengan pandangan Cannon-Bard bahawa emosi asal ditimbulkan daripada struktur otak subkortikal dan manusia tidak mendiskriminasi emosi mereka daripada penggiatan automatik yang berbeza-beza (Mok Soon Sang: 2010).



Rajah 2 : Teori Emosi Cannon-Bard.

Menerusi cerita Raja Bersiung (RB) pula, kanak-kanak menjadi seronok apabila mendengar jalan cerita yang menarik tentang Raja Bersiung. Hal ini ditambah lagi apabila pencerita mula bercerita dengan sepenuh hati dengan intonasi yang sesuai sekaligus menyebabkan kisah ini benar-benar terkesan di hati kanak-kanak. Lebih-lebih lagi semasa pencerita menyatakan bahawa tukang masak terhiris jarinya dan darahnya bercampur dengan sayur bayam untuk hidangan Raja Bersiung. Peristiwa ini dapat dilihat pada petikan berikut, "Tukang masak memasak makanan kegemaran Raja Bersiung dengan cepat. Sewaktu


memotong sayur bayam, tiba-tiba tukang masak terhiris jarinya. Darah tukang masak menitis ke dalam sayur bayam. Sayur bayam bercampur darah itu dihidang kepada Raja Bersiung” (RB, 2002: 4-5).

Menerusi petikan cerita RB di atas iaitu, “Darah tukang masak menitis ke dalam sayur bayam. Sayur bayam bercampur darah itu dihidang kepada Raja Bersiung” ada di antara mereka yang menunjukkan emosi jijik dengan luahan kata-kata dengan menyampuk percakapan semasa mendengar cerita seperti ‘eee...’, ‘gelinya’, ‘uwekk!’ sebagai tanda tidak gemar dan geli terhadap kejadian itu. Hal ini ditambah dengan gaya penyampaian pencerita yang bersungguh-sungguh dan memberi unsur penegasan terhadap penyampaiannya apabila ingin memberitahu bahawa sayur yang dihidangkan kepada raja adalah sayur yang telah bercampur dengan darah.

Daripada gambaran mimik wajah kanak-kanak, dapat dilihat kanak-kanak merapatkan antara gigi di atas dan di bawah serta melebarkan sedikit mulut sebagai tanda geli dan jijik terhadap situasi tersebut. Hal ini ditambah dengan kening kanak-kanak yang turut kelihatan berkerut tanda geli dan jijik. Menurut pendapat yang diutarakan oleh Buck (1984) dalam Mahmood Nazar Mohamed (2001) bahawa wajah atau air muka dapat memperihalkan enam bentuk emosi yang asas iaitu gembira, sedih, hairan, takut, marah dan jijik. Malahan pakar-pakar yang mengkaji emosi manusia seperti Ekman dan Friesman (1975) dan Izzard (1977) menyatakan bahawa emosi yang dapat dikenal pasti melalui muka seseorang itu adalah sesuatu yang umum, iaitu yang terdapat persamaan yang jelas pada kesemua masyarakat dan budaya di bumi ini. Selain itu, kanak-kanak juga menunjukkan riak muka yang geram dan marah dengan tindakan Raja Bersiung yang kejam. Mereka mula menyampuk semasa mendengar cerita lebih-lebih lagi ketika pencerita membaca petikan cerita “Ambil darah rakyat setiap hari!” dengan lantang. Kanak-kanak menunjukkan ekspresi wajah seperti sedang marah dengan tindakan Raja Bersiung. Mereka dilihat mula mengerutkan dahi dan menurunkan kening sedalam-dalamnya dan mata memandang gambar yang

ditunjukkan tanpa berkedip serta mulut dan bibir yang saling menekan rapat bagi mengekspresikan rasa marah mereka terhadap watak Raja Bersiung. Melalui teori kognitif Arnold dan Ellis yang menekankan kepentingan terhadap penilaian serta interpretasi sesuatu peristiwa daripada rangsangan yang menyebabkan sesuatu emosi. Dalam konteks ini, timbul perasaan marah dalam diri kanak-kanak apabila mengetahui Raja Bersiung inginkan darah rakyat semata-mata ingin memenuhi selera nafsu.

Berdasarkan peristiwa tersebut juga, rangsangan yang diterima diantar ke bahagian otak kemudian diproses sehingga membuatkan kanak-kanak menerima maklumat emosi, seterusnya menghasilkan ekspresi melalui rangsangan tersebut. Otak juga berperanan dalam menghasilkan ekspresi emosi di mana menurut Mon Soon Sang (2010) bahawa otaklah yang menentukan makhluk hidup bergerak, memerintahkan indera, menuntut dan mengadakan persepsi, mengatur pola komunikasi, menentukan jumlah informasi dan menseleksikannya. Kemudian, turut menerima impuls-impuls informasi tersebut melalui reseptör, mengirimnya pada sejumlah efektor dan kemudian menginterpretasikan keseluruhannya serta membuat sejumlah keputusan dan respons terhadap informasi yang diterima. Dengan adanya rangsangan emosi yang diluahkan oleh kanak-kanak, maka dapat dikenal pasti emosi yang dirasakannya menerusi penampilan ekspresi emosi yang diluahkan, Hal ini juga disebabkan berlakunya proses menginterpretasikan emosi yang dirasakan menerusi rangsangan iaitu bahan bacaan sastera kanak-kanak. Hal ini digambarkan menerusi Rajah 3:



Rajah 3 : Teori Emosi Cannon-Bard

Menerusi Rajah 3, dapat dilihat dengan jelas bagaimana rangsangan emosi terjadi dalam diri kanak-kanak sehingga mereka meluahkan emosi yang dirasakan melalui penampilan ekspresi emosi. Oleh yang demikian, menerusi bahan bacaan sastera kanak-kanak tersebut, dapat dilihat ia merangsang emosi kanak-kanak. Sebagaimana menerusi pandangan teori emosi Arnold-Ellis dan Cannon-Bard bahawa kesedaran akan adanya emosi dengan jelas mendahului aktiviti autonom. Dalam hal ini, keadaan emosional yang dirasakan dipengaruhi oleh sumber data kognitif iaitu bagaimana seseorang menilai situasi eksperimen merupakan proses kognitif yang mempengaruhi emosi. Justeru, adanya gabungan ilustrasi yang berwarna-warni serta judul buku yang dipilih dari fon menarik dan sesuai menjadikan kulit buku salah satu faktor membangkitkan emosi kanak-kanak sehingga melahirkan ekspresi emosi melalui pelbagai penanda emosi seperti ekspresi wajah, ekspresi mata, ekspresi vokal dan ekspresi tingkah laku. Bahan bacaan sastera bergenre seram juga turut digunakan bagi melihat kesan emosi dan ekspresi emosi kanak-kanak melaluinya. Berdasarkan pemerhatian, kanak-kanak memaparkan emosi gembira ketika mendengar cerita Siapakah Penaggal (SP) dibacakan kepada mereka. Lebih-lebih lagi apabila kanak-kanak melihat gambar Mek Siah yang kepalanya telah bercerai dari badan. Kanak-kanak mula berinteraksi sesama sendiri dengan ada di antara mereka yang meluahkan kata-kata:

Kanak-kanak 1: “Dah jadi hantu mana cantik lagi.”

Kanak-kanak 2: “Habislah kalau jumpa tengah malam ni.”

Kanak-kanak 3: “Tak cantik langsung. Dah jadi hantu lagi tak cantik.”

Emosi kanak-kanak mula berubah dari gembira kepada gerun apabila melihat kepala Mek Siah yang melayang-layang itu menghisap darah wanita bersalin di bawah kolong rumah. Emosi kanak-kanak diekspresikan melalui wajah apabila mereka dilihat ada yang menekup mukanya, mata dibulatkan sebesar mungkin

dengan dahi yang berkerut tanda gerun dan terkejut apabila melihat peristiwa tersebut melalui gambar. Tidak kurang juga ada di antara mereka yang berasa geli dan jijik melihat adegan dalam gambar itu dan memberi reaksi ingin muntah, “uwerkk”, “eee..gelinya” bagi menggambarkan rasa geli terhadap gambar tersebut. Menurut Paul Ekman dan Wallace V. Friesen (2009) bahawa rasa jijik akan mengikuti peristiwa yang memuakkan atau tidak disukai oleh seseorang.

Dalam konteks ini, gambaran yang dilukiskan membuatkan kanak-kanak gerun lebih-lebih lagi apabila melihat lidah hantu yang panjang, rambut panjang menggerbang, taring yang tajam, dan perut yang terburai membuatkan emosi mereka terangsang sehingga berasa gerun dengan peristiwa tersebut. Fiksyen seram benar-benar dapat merangsang emosi kanak-kanak. Daripada seronok, emosi kanak-kanak mula berubah kepada takut, terkejut, gerun, dan geli mengikut jalan cerita dan juga karakter yang dipamerkan dalam cerita menerusi gambar yang dipaparkan. Melalui cerita, emosi kanak-kanak berubah lagi menjadi kagum apabila melihat watak Mek Siah menjadi cantik. Ada di antara kanak-kanak yang melontarkan kata-kata seperti:

Kanak-kanak 1: “Wah, cantiknya Mek Siah.”

Kanak-kanak 2: “Muka dia dah jadi licin, tak ada jerawat lagi.”

Kanak-kanak 3: “Dah jadi kurus badan dia.”

Namun, rasa kagum kanak-kanak itu tadi tiba-tiba bertukar menjadi cemas apabila melihat gambar tali perut penanggal yang tersangkut dan membelit daun yang berduri.


Oleh yang demikian, menerusi cerita SP ini emosi kanak-kanak dilihat berubah-ubah mengikut jalan cerita dan juga karakter yang dipaparkan dalam cerita. Emosi yang kuat merupakan bahan atau unsur yang terkandung dalam setiap bahan bacaan termasuk juga bahan bacaan kanak-kanak. Berdasarkan cerita fiksyen seram ini, pelbagai emosi kanak-kanak dapat dikenal pasti. Perasaan dan emosi yang dialami tidak semuanya sama di mana ada perasaan yang dianggap sebagai ‘ringan’ dan ada yang ‘serius’.

Emosi ringan inilah kerap kali dapat dilihat dalam diri kanak-kanak. Sebagaimana menurut Mahmood Nazar Mohamed (2001) emosi jenis ringan selalunya diikuti dengan perasaan berjaga-jaga, perhatian tertumpu terhadap entiti-entiti yang bermakna serta rasa sedikit tegang daripada yang lazim. Pengalaman ini kerap dirasai oleh seseorang apabila menonton atau membaca cerita seram atau adegan-adegan lain yang mencemaskan. Emosi jenis ringan juga merupakan sesuatu yang baik walaupun pada perasaan negatif seperti cemas, marah dan menakutkan kerana ianya dapat memberikan rasa yang lain daripada yang lain kepada tubuh manusia. Perasaan ini pula boleh dikawal secara sukarela oleh individu yang mengalaminya. Justeru, pengalaman emosi sangat penting kepada kanak-kanak dalam menelusuri kehidupan.

Melalui cerita seram, kanak-kanak dapat melepaskan emosi dan memperluaskan pengalaman yang menjadi aspek penting dalam pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak itu sendiri. Emosi asas kanak-kanak berkembang dan berbeza mengikut masa menjadi pelbagai rasa yang boleh dikONSEPsi dan dihayati dengan konsep emosi yang amat canggih dan dapat pula diekspresikan melalui pelbagai bentuk. Sebagaimana menurut Paul Ekman dan Wallace V. Friesen (2009) dalam bukunya yang bertajuk Buka Dulu Topengmu menyatakan bahawa wajah tetap penting daripada kata-kata dalam mengirimkan informasi tentang emosi. Lanjutan daripada ini wujudlah usul tentang seribu satu macam emosi canggih yang berbeza keluar daripada emosi-emosi asas (Izard, 1977; Lazarus, Averill & Opton, 1977). Hasil daripada cerita SP ini jelas menunjukkan bahawa emosi kanak-kanak berubah-ubah dan berkembang ekoran daripada ilustrasi yang ditampilkan pengarang di dalam buku cerita tersebut. Selain itu, dengan adanya ilustrasi tersebut, dapat memperjelas cerita dan juga karakter sesuatu watak yang terdapat dalam cerita sehingga ke akhir penceritaan. Bertepatan dengan pandangan Arnold dan Ellis bahawa interpretasi sesuatu peristiwa adalah rangsangan yang menyebabkan sesuatu emosi.

Sehubungan dengan itu kanak-kanak akan menginterpretasikan pelbagai situasi dan peristiwa yang berkaitan

sebelum memaparkan sesuatu emosi. Dalam konteks ini, menurut Rita L. Atkinson. et all. (2008) bahawa pengalaman emosional dapat ditimbulkan oleh masukkan eksternal pada sistem sensori; kita melihat atau mendengar stimulus yang membangkitkan emosi. Tetapi saraf autonom menjadi aktif segera setelah itu, sehingga berbalik dari perubahan badan menambah pengalaman emosional. Jadi pengalaman sedar tentang emosi melibatkan integrasi informasi tentang situasi yang membangkitkan emosi dan cenderung kepada emosi yang dirasakan. Maka lahirlah ekspresi emosi melaluinya. Oleh itu, rangsangan luaran akan diterima oleh thalamus dan terus dihantar ke bahagian korteks untuk dianalisis. Persepsi emosi dirasakan dan diinterpretasikan di bahagian ini. Kemudiannya rangsangan itu akan dihantar ke bahagian hipotalamus yang bertanggungjawab menghasilkan reaksi emosi yang bersesuaian sebagaimana Rajah 4:



Rajah 4: Diubahsuai daripada Teori Emosi model Cannon – Bard dan Arnold Ellis.

Daripada penjelasan Rajah 4, hal ini dapat dikaitkan dengan keperluan bahan bacaan sastera atau apa yang dipanggil sastera kanak-kanak ini untuk kanak-kanak sendiri bahawa hasil daripada pembacaan bahan sastera ini ianya dapat memperkayakan serta menambahkan pengalaman dan juga emosi dalam diri kanak-kanak itu sendiri. Oleh yang demikian, perihal bahan bacaan begitu penting dalam melihat perkembangan emosi kanak-kanak sekaligus menjadikan kanak-kanak celik ilmu bagi membentuk suatu generasi yang berpengetahuan tinggi.

Justeru, melalui contoh yang dinyatakan, hal ini membuktikan bahawa emosi kanak-kanak cepat terangsang dengan bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi yang besar, menarik dan juga berwarna-warni. Sebagaimana menurut Molina S. Nijhar dalam Othman Puteh dan Abdul Ahmad (1993) bahawa kanak-kanak gemar kepada halaman-halaman yang berwarna-warni dan penggunaan gambar yang baik. Sesuatu yang mereka suka sebenarnya pelbagai dan asli berasaskan gambaran yang dipaparkan dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak. Ekspresi emosi yang ditampilkan oleh kanak-kanak adalah melalui rangsangan bahan bacaan sastera terpilih, kemudian maklumat rangsangan dihantar ke bahagian otak yang dikenali sebagai sistem limbik.

Hal ini sebagaimana menurut Abdul Rahman Shaleh (2008) bahawa sistem limbik adalah kumpulan kelompok neuron yang saling berhubungan dengan otak depan. Di dalamnya termasuklah amigdala, hipokampus, septum, cingulated gyrus, dan sebahagian hipotalamus dan thalamus. Limbik bererti batas-batas sebelah dalam dari hemisfera serebral. Dalam korteks serebral terdapat sistem-sistem dalam sistem limbik manusia secara kritis mengungkapkan motivasi dan emosi. Oleh itu, emosi kanak-kanak dapat dilihat setelah berlakunya proses tersebut sehingga menerbitkan ekspresi melaluinya seperti mana yang terdapat dalam teori emosi ArnoldEllis. Hal ini turut menimbulkan minat kanak-kanak untuk terus mendengar cerita sehingga ke akhirnya dan ekspresi emosi kanak-kanak dapat dikenal pasti melalui bahan tersebut.

## **KESIMPULAN**

Kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang dapat merangsang emosi dan perasaan mereka agar pertumbuhan dan perkembangan emosi mereka seiring dan seimbang dengan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosialnya. Bahan bacaan bukan sahaja perlu ada unsur pengajaran atau ilmu pengetahuan semata-mata, namun emosinya juga penting bagi membangkitkan nilai rasa dan kejiwaan dalam diri kanak-kanak itu sendiri. Dengan adanya emosi dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak yang ditampilkan, jiwa mereka lebih terangsang dan ini menjadikan perkembangan emosi mereka dapat berkembang seiring dengan tahap masing-masing. Melalui Teori emosi Arnold-Ellis dan Cannon-Bard, kepentingan terhadap penilaian serta interpretasi sesuatu peristiwa daripada rangsangan yang menyebabkan sesuatu emosi. Dalam hal ini, interpretasi kanak-kanak terhadap sesuatu peristiwa dalam setiap cerita tersebut hasil daripada rangsangan yang menyebabkan sesuatu emosi. Kejadian atau peristiwa dalam cerita dapat memberi kesan emosi kepada kanak-kanak seperti gembira, seronok, teruja, bersemangat, bosan, takut dan selamba. Kanak-kanak yang terdidik dengan kepelbagaiannya bahan bacaan sastera juga mampu memahami erti serta selok belok kehidupan yang penuh dengan permainan emosi khalayaknya bagi menjadikan mereka buka sahaja cemerlang dari aspek emosinya, malahan jasmani, rohani dan inteleknya juga.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Othman. (1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Shaleh. (2008). Psikologi Suatu Pengantar dalam Perspektif Islam. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Abdullah Hassan, Ainon Mohd. (2002). Mendorong Kreativiti Kanak-kanak. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Achmento. (2005). Studi Eksplorasi Peta Emosi Orang Rimba. Jogjakarta: Fakultas Psikologi Universiti Gadjahmada.
- Agus Sujanto. (1986). Psikologi Perkembangan. Jakarta: Aksara Baru.
- A.Wahab Ali. (1989). Imej Manusia dalam Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baldinger, Wallace. (1986). The Visual of Art. London: The Library Association.
- Bandura, A. (1971). Social Learning Theory. Morristown. N. J: General Learning Press.
- Beatsy Hearn. (1985). Choosing Book for Children: A Common Sense Guide. New York: Delacorte Press.
- Beck, R. C. (1983). Motivation: Theories and Principles. Englewood Cliffs, N. J. : Prentice Hall. Inc.
- Bruno, F.J. (1984). Behaviour and Life: And Introduction to Psychology. New York: John Wiley and Sons.
- Buck, R. (1984). The Communicatioin of Emotions. New York: Guilford Press.
- Cohen, C. Marion, L. dan Morrison, K. (2000). Research Methods in Education. New York: Routledger Falmer.
- Coon D. (1983). Introduction to Psychology - Exploration and Application. 3rd Ed. Minnesota: West Publishing Co.